

## TEMA 6 : SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

### UNIT 16 : SAINS DAN KEHIDUPAN

**PAK-21**

#### **Team Word-Web**

**Arahan:**

- 1 Guru menyediakan kertas sebak (mahjong) dan pen penanda berwarna.
- 2 Murid dibahagikan kepada kumpulan.
- 3 Murid menulis topik yang dicadangkan oleh guru di tengah-tengah kertas sebak.
- 4 Setiap ahli pasukan menulis idea dalam peta minda mengikut warna pen yang berbeza untuk menunjukkan sumbangan idea daripada mereka.

### UNIT 17 : MESRA TEKNOLOGI

**PAK-21**

#### **Think-Pair-Share**

**Arahan:**

- 1 Guru mengemukakan suatu permasalahan / situasi kepada ahli kumpulan berdasarkan tajuk yang dipelajari.
- 2 Setiap ahli diberikan masa untuk berfikir kemudian membincangkannya dengan ahli pasukan yang lain secara berpasangan.
- 3 Semua ahli kumpulan diminta berkongsi jawapan kepada penyelesaian masalah.

### UNIT 18 : INOVASI BERTAMBAH MUTU

**PAK-21**

#### **Find The Fib**

**Arahan:**

- 1 Guru menyediakan tajuk kepada setiap kumpulan.
- 2 Setiap ahli kumpulan memberi tiga penerangan tentang perkara berkaitan tajuk yang sebenarnya salah satunya adalah salah.
- 3 Ahli lain diminta mencari perkara atau pernyataan yang salah.